

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)

www.ijepec.com



**PENGARUH INTERNET DALAM PELAKSANAAN E-
PEMBELAJARAN KE ATAS PEMBINAAN SAHSIAH MURID**

*THE INFLUENCE OF INTERNET USE IN THE IMPLEMENTATION OF E-
LEARNING TOWARDS STUDENT'S CHARACTER BUILDING*

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim¹, Nur Eliza Mohd Noor^{2*}, Yusmini Md Yusoff^{3*}

¹ Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

Email: tgsarina@um.edu.my

² Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

Email: s2023911@siswa.um.edu.my

³ Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia

Email: yusmini@um.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 23.01.2022

Revised date: 30.01.2022

Accepted date: 10.02.2022

Published date: 15.03.2022

To cite this document:

Tengku Kasim, T. S. A., Mohd Noor, N. E., & Md Yusoff, Y. (2022). E-Pengaruh Internet Dalam Pelaksanaan E-Pembelajaran Ke Atas Pembinaan Sahsiah Murid. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 273-286.

DOI: 10.35631/IJEPC.745022

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pembelajaran secara dalam talian atau e-pembelajaran merupakan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan internet untuk mengakses bahan pembelajaran dan berinteraksi dengan kandungan, pendidik, dan juga murid yang lain. Ia juga bertujuan untuk menimba ilmu serta mendapatkan sokongan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Takrifan ini memberi penekanan kepada penggunaan internet dan interaksi dalam pembelajaran jarak jauh atau e-pembelajaran. Analisis terhadap kajian lepas menunjukkan bahawa pengaruh internet ke atas pembentukan sahsiah remaja pada masa kini amat membimbangkan kerana mereka menghabiskan masa yang lama untuk melayari internet atas alasan pembelajaran. Perubahan yang berlaku dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan sepenuhnya internet untuk berhubung, berinteraksi dan berkongsi bahan pembelajaran pada masa kini akibat pandemik Covid-19 harus diterima dari sudut yang positif walaupun ia juga memberi impak yang negatif ke atas pembinaan sahsiah murid. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan berbentuk konseptual bertujuan untuk membincangkan pengaruh penggunaan internet dalam pelaksanaan e-pembelajaran. Beberapa isu yang timbul seperti kesan penggunaan internet yang berlebihan ke atas murid dan kurangnya kawalan serta pantauan daripada guru serta ibu bapa turut dibincangkan. Justeru, kajian ini dapat memberikan beberapa cadangan bagaimana untuk mengatasi penyalahgunaan internet semasa pelaksanaan e-pembelajaran terutama dalam kalangan murid di peringkat rendah. Diharapkan

pada masa akan datang lebih banyak kajian yang memfokuskan tentang pelaksanaan e-pembelajaran dengan menggunakan sampel yang lebih besar terdiri daripada guru-guru di peringkat sekolah rendah.

Kata Kunci:

e-Pembelajaran, Pembinaan Sahsia, Pengaruh Internet.

Abstract:

Online learning or e-learning is one of the teaching and learning methods that use internet to access learning materials and interact with the content, educators, and other students. It also aims to gain knowledge and support during the teaching and learning process. This definition emphasizes on the use of internet and interaction in distance learning or e-learning. Analysis of previous studies has shown that the influence of internet on the personality growth of teenagers today is particularly worrying as, they spend so much time browsing the internet on learning purposes. The changes taking place in teaching and learning methods that extensively use the internet to connect, interact and share learning materials today due to the Covid-19 pandemic should be treated in a positive angle although it also has negative impact on the student's character building. Therefore, this study uses conceptual methods aimed at discussing the influence of internet use in the implementation of e-learning. Several issues such as the impact of excessive internet usage on pupils and lack of control and monitoring from teachers and parents were also discussed. Hence, this study can provide several suggestions on how to overcome internet abuse during the implementation of e-learning especially among primary level students. It is hoped that in the future more studies will focus on the implementation of e-learning using a larger sample of teachers at the primary school level.

Keywords:

e-Learning, Character Building, Internet Influence.

Pengenalan

Teknologi sering berkembang dan mengalami kemajuan serta memudahkan manusia untuk beraktiviti. Salah satu contoh kemajuan teknologi iaitu berkembangnya penggunaan internet. Munculnya internet pada hari ini telah mempengaruhi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia termasuklah aspek pendidikan (Dedyerianto, 2020). Internet menjadikan dunia pendidikan pada hari ini lebih luas dan terbuka. Segala maklumat dan pengetahuan dapat diakses dengan lebih pantas dan cepat. Pada masa kini, ramai ahli akademik menggunakan internet sebagai alat pembelajaran, yang dikenali sebagai pembelajaran elektronik (*e-learning*), di mana proses pengajaran dan pembelajaran boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Menerusi e-pembelajaran, kandungan pembelajaran boleh didapati dalam talian dan maklum balas terhadap segala aktiviti pembelajaran boleh diberikan secara automatik. Kemajuan teknologi dalam pendidikan ini sebenarnya mampu meningkatkan kualiti pembelajaran apabila ia digunakan dengan bijak untuk tujuan pendidikan (Lubis & Wahyuni, 2021).

Melalui pembelajaran secara internet, pelajar boleh mengakses bahan pembelajaran berbantuan komputer dan boleh mengikuti pembelajaran walaupun berada di rumah. Ia menjadi alternatif untuk kesinambungan proses pengajaran dan pembelajaran di rumah dan membawa kepada transformasi pendidikan. Pembelajaran secara internet ini juga dikenali sebagai pembelajaran dalam talian atau pembelajaran jarak jauh serta tidak memerlukan kehadiran secara fizikal di dalam kelas. Sekiranya guru dan murid tidak mengikuti perkembangan teknologi ini, mereka dianggap ketinggalan terutama di kala pandemik wabak Covid-19 melanda, di mana kaedah dalam sistem pendidikan turut berubah dengan menggunakan e-pembelajaran yang menjadikan internet sebagai penghubung interaksi dan komunikasi antara guru dan murid. Fenomena ini tidak dapat dielakkan dan telah menyebabkan berlakunya konflik antara kaedah pembelajaran, ibu bapa, dan agama dengan pengaruh internet ke atas seseorang pelajar. Perubahan kaedah pembelajaran sewajarnya diterima berikutan ia merupakan keperluan dan kehendak dalam sistem pendidikan sekarang yang memerlukan kepada murid untuk mengakses internet terutama semasa proses e-pembelajaran berlaku di rumah.

Memandangkan peralatan komputer dan telefon bimbit berubah menjadi suatu keperluan pendidikan pada masa kini terutama semasa mengikuti e-pembelajaran, terdapat kemungkinan ia boleh memberi kesan kepada pembinaan sahsiah murid dan minda mereka. Menurut Azizan et al., (2021), antara cabaran dalam membentuk sahsiah remaja pada masa kini adalah berpunca daripada perkembangan teknologi serta penggunaannya yang tidak dikawal sehingga sukar membezakan antara yang baik dan buruk. Internet yang boleh dilayari dengan gajet boleh menyumbang kepada kelekaan murid dengan dunia mereka sendiri tanpa menghiraukan interaksi sosial mereka dengan dunia sekeliling. Di sinilah pentingnya peranan guru yang berkebolehan untuk mendidik perilaku dan sahsiah murid melalui penyediaan bahan pengajaran dan reka bentuk pembelajaran yang efektif dan kreatif. Justeru dalam mengaplikasikan e-pembelajaran yang perlu memenuhi matlamat kurikulum, pembelajaran yang memenuhi keperluan pembinaan sahsiah murid juga perlu diberi perhatian, agar penggunaan internet tidak menyumbang kepada pengaruh yang negatif dalam kehidupan mereka.

Metodologi Kajian

Artikel ini melibatkan penulisan kajian literatur dan tidak melibatkan kajian lapangan. Justeru, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan berbentuk konseptual. Instrumen kajian dan kaedah pengumpulan data kajian ini adalah melalui analisis kajian-kajian lepas berbentuk dokumen-dokumen berkaitan dengan pengaruh penggunaan internet, cabaran membentuk sahsiah pelajar, cabaran teknologi maklumat dan juga dokumen berkaitan teori e-pembelajaran. Ianya seterusnya dianalisis dengan pendekatan induktif bagi mencapai objektif kajian ini iaitu untuk membincangkan pengaruh penggunaan internet dalam pelaksanaan e-pembelajaran. Beberapa isu yang timbul seperti kesan penggunaan internet yang berlebihan ke atas murid dan beberapa cadangan kepada ibu bapa dan guru untuk mengatasi masalah ini turut dibincangkan.

E-Pembelajaran Dan Internet

E-pembelajaran merupakan singkatan daripada pembelajaran secara elektronik yang merupakan satu kaedah dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan media elektronik, khususnya internet sebagai sistem pembelajarannya (Sagita & Khairunnisa, 2019). E-pembelajaran juga diistilahkan sebagai penggunaan teknologi elektronik untuk mengakses bahan pembelajaran atau program-program pendidikan melalui internet (Zahedi & Dehghan, 2019). Dalam erti kata lain, e-pembelajaran mencakupi pembelajaran yang dilakukan di media

elektronik (internet) sama ada secara formal atau tidak formal serta memiliki infrastrukturnya iaitu peralatan atau gajet yang digunakan. Antaranya ialah komputer riba, telefon bimbit atau tab dan internet, juga kelengkapan multimedia lain seperti teks, grafik, gambar, dan peralatan teleconference (Aji, 2019).

Pembelajaran secara dalam talian atau e-pembelajaran menggunakan jaringan internet untuk mengakses bahan dan berinteraksi dengan kandungan, pendidik dan juga pelajar (Zhu & Liu, 2020). Manakala internet atau *Interconnection Networking* berasal daripada bahasa latin “*inter*” yang membawa maksud “antara”. Internet juga boleh diistilahkan sebagai jaringan penghubung dan cara menghubungkannya adalah dengan memanfaatkan perkembangan teknologi komunikasi (Dedyerianto, 2020). Sistem dan aplikasi e-pembelajaran ini kesemuanya perlu diakses dengan menggunakan internet. Penggunaan internet melalui pengaplikasian teknologi sebagai medium dalam proses pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran pada abad ke-21 (The & Usagawa, 2018).

Pembelajaran berasaskan internet ini sebenarnya telah lama menjadi pilihan kepada pembelajaran secara konvensional atau di dalam kelas (Samir Abou El-Seoud et al., 2014). Namun kini, ia menjadi tidak asing lagi apabila wabak Covid-19 melanda dunia dan menyebabkan guru secara drastik mengubah kaedah pembelajaran secara bersemuka di dalam kelas kepada kaedah pembelajaran secara dalam talian (Nursafra et.al., 2021). Pada masa ini, semua peringkat institusi pendidikan berlumba-lumba untuk mempraktikkan sistem pengajaran dan pembelajaran yang memanfaatkan penggunaan internet sebagai salah satu sarana dan platform dalam arena pendidikan. Ini adalah kerana sistem pembelajaran berasaskan internet atau e-pembelajaran terbukti lebih praktikal dan berkesan berbanding sistem pembelajaran secara konvensional. Antara manfaat e-pembelajaran adalah murid dapat mengakses bahan serta melakukan aktiviti pembelajaran dengan mudah melalui internet (Wimerta & Samosir, 2021).

Kesan Penggunaan Internet yang Berlebihan Semasa Proses E-Pembelajaran

Jika dilihat kepada definisi e-pembelajaran sebelum ini dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan e-pembelajaran memerlukan murid mengakses internet dan juga menggunakan peranti teknologi dalam masa yang sama. Kedua-dua elemen ini pula secara tidak langsung boleh menyumbang kepada beberapa masalah berkaitan sahsiah dan sosial murid sekiranya tidak dipantau dengan baik oleh guru mahupun ibu bapa. Justeru, adalah wajar untuk membincangkan isu ini agar pelaksanaan e-pembelajaran dapat memberi impak yang positif dan mengurangkan impak yang negatif walaupun ia sukar untuk diatasi sepenuhnya.

Sewaktu internet mula diperkenalkan, pelajar menghabiskan masa melayari internet bagi tujuan pembelajaran pada purata 3.18 jam sehari (Norina et al., 2013). Menurut Nahar et.al. (2018) pula, secara purata kanak-kanak di Malaysia didapati menghabiskan masa antara tujuh hingga lapan jam sehari dengan teknologi seperti telefon bimbit, televisyen dan komputer. Berdasarkan purata ini, internet masih lagi boleh dikatakan mampu memberi impak positif kepada pelajaran kerana internet dijadikan sebagai alat bantu pembelajaran dan memudahkan pelaksanaan e-pembelajaran. Namun, apabila situasi pandemik Covid-19 melanda dan medium e-pembelajaran pula dilaksanakan secara sepenuhnya, kajian mendapati murid menjadi ketagihan kepada gajet dan didapati mengakses internet terlalu lama dengan alasan mencari maklumat untuk tujuan pembelajaran sehingga memberi kesan negatif kepada aspek tingkah laku dan sahsiah murid (Misman et al., 2021).

Sebagai contoh, Khairuni (2016) menegaskan, impak negatif yang timbul akibat ketagihan atau berlebihan dalam melayari internet semasa e-pembelajaran berlangsung ialah sikap malas, dan lalai sehingga mengabaikan tugas yang diberikan oleh guru. Selain daripada itu, impak yang timbul akibat terlalu lama mengikuti e-pembelajaran tanpa melakukan regangan seperti bergerak atau berjalan akan mengakibatkan badan berasa sakit (Musfirah Mohamad et al., 2021) selain boleh menyebabkan bertingkah laku dengan ganas, menghadapi tekanan dan kemurungan di samping menyebabkan ketagihan serta permasalahan dari sudut emosi (Salmah & Malisah, 2016). Di samping itu juga kajian daripada Michael dan Ambotang (2020) menyatakan bahawa penglibatan murid dengan aktiviti yang dijalankan oleh pihak sekolah yang bertujuan membentuk keperibadian pelajar juga tidak memberangsangkan akibat kesan daripada pengaruh teknologi digital ini. Mereka mendapati penggunaan peranti elektronik dan gajet seperti komputer riba dan telefon pintar memberi kesan kepada gaya hidup pelajar.

Berdasarkan implikasi yang disebutkan di atas akibat penggunaan internet yang berlebihan, ia dikhuatiri akan menyebabkan secara tidak langsung murid semakin hilang minat dengan proses e-pembelajaran yang lama dan mula beralih minat dengan melayari internet hiburan atau bermain *game* secara *online*. Ini kerana, apabila keperluan fisiologi seseorang tidak dipenuhi dengan baik seperti tekanan emosi akibat masalah capaian internet, kesihatan yang terganggu kerana berjam-jam menghadap komputer atau skrin bagi melayari internet, dan mental yang berat kerana terlalu memikirkan pembelajaran sepanjang masa walaupun di rumah, maka murid akan beralih kepada sesuatu yang menyeronokkan atau hiburan sehingga menyebabkan mereka leka dan akhirnya meninggalkan pembelajaran.


Perbincangan

Beberapa teori telah dicadangkan untuk pembelajaran secara dalam talian kerana proses pembelajaran dalam talian ini menggunakan kemudahan internet dan disokong dengan penggunaan pelbagai teknologi. Antaranya teori *connectivism* yang diperkenalkan oleh George Siemens (2005). Menurut Siyamta et al. (2000), teori *connectivism* dimulai dengan kegiatan mengetahui sehingga kepada kegiatan mencipta pengetahuan. Menurut Yusup Hashim, (2012), teori *connectivism* berpotensi untuk diaplikasikan dalam pelaksanaan e-pembelajaran kerana teori ini mempengaruhi teori pembelajaran jarak jauh yang mementingkan pembelajaran bebas dan interaksi antara pelajar, interaksi pelajar dengan bahan serta interaksi pelajar dengan guru.

Dalam pelaksanaan e-pembelajaran di rumah, murid dan guru terpisah secara fizikal dan masing-masing berada dalam jarak jauh. Jurang pemisah ini dapat dirapatkan dengan adanya komunikasi atau interaksi dan *connectivity* yang baik antara guru, murid, dan bahan. Komunikasi yang baik dapat diperoleh dengan adanya capaian internet yang baik dan bahan yang baik dapat diperoleh dengan kandungan e-pembelajaran yang baik dan ditapis. Selain itu, teori e-pembelajaran juga menekankan bagaimana teknologi boleh digunakan dan direka untuk mewujudkan peluang pembelajaran baru dan untuk menggalakkan pembelajaran yang berkesan. Teori ini dibina berdasarkan prinsip sains kognitif yang menunjukkan bagaimana penggunaan dan reka bentuk teknologi pendidikan dapat meningkatkan pembelajaran yang berkesan (Hexia Ha, 2022).

Jika dilihat kepada definisi e-pembelajaran juga banyak mengaitkan e-pembelajaran dengan internet dan juga penggunaan peranti teknologi. Tiga elemen utama yang mendokong pelaksanaan e-pembelajaran yang diaplikasikan daripada teori *connectivism* iaitu interaksi atau komunikasi guru dengan pelajar yang bergantung kepada capaian internet, interaksi dengan bahan yang bergantung kepada kandungan internet dan juga interaksi dengan teknologi yang

bergantung kepada bagaimana penggunaan alat peranti teknologi atau gajet untuk mengakses internet semasa e-pembelajaran akan turut dibincangkan.



Rajah 1: Pengaruh Internet Dalam Pelaksanaan E-Pembelajaran Ke Atas Pembinaan Sahsiah Murid

Kandungan Internet

Internet sebagai media pembelajaran dan media sosial berperanan terhadap hasil pembelajaran yang akan diperoleh oleh murid dan secara tidak langsung membawa kepada pembinaan sahsiah murid (Dedyerianto, 2020). Kandungan internet mendedahkan mereka kepada persekitaran yang pelbagai kerana mereka mempunyai keupayaan untuk mencapai segala jenis maklumat tanpa tapisan sejajar dengan istilah dunia tanpa sempadan. Walaupun penggunaan internet boleh menarik minat dan motivasi murid untuk belajar, namun, terdapat juga segelintir murid yang menggunakannya dengan cara yang salah seperti mengambil kesempatan semasa pembelajaran dalam talian dilaksanakan (Arisanti & Subhan, 2018). Mereka bermain *online game* dan membuka web yang tidak berkaitan dengan pembelajaran. Tambahan pula wujud pelbagai kandungan aplikasi, iklan dan maklumat dalam peranti teknologi yang tidak sesuai diakses lebih-lebih lagi bagi seorang murid sehingga boleh mempengaruhi pemikiran dan sahsiah mereka (Salmah & Malisah, 2016).

Walaupun penggunaan internet dapat membantu dalam mendapatkan maklumat untuk menyiapkan tugas kerja rumah, namun akibat keterbukaan internet yang sukar disekat, kebanyakan ibu bapa dan guru merasakan internet lebih banyak membawa unsur negatif sekiranya tidak dipantau dengan baik. Kebenaran daripada ibu bapa kepada anak untuk melayari internet semasa pelaksanaan e-pembelajaran dikhuatiri disalah guna dengan melayari kandungan berunsur hiburan dan kandungan-kandungan yang tidak sesuai dengan imej sebagai seorang pelajar seperti menonton aksi ganas, lucah, dan melalaikan. Menurut NurSafra et.al. (2021), antara cabaran yang dihadapi dalam pengajaran secara maya ini adalah apabila

berhadapan dengan sikap pelajar yang mengutamakan hiburan dan kerja berbanding pelajaran. Keadaan ini akan mempengaruhi pembinaan sahsiah kerana mereka mungkin tidak dapat membezakan di antara perkara yang betul atau salah atas faktor umur yang masih muda dan belum memahami perkara tersebut. Situasi ini akan menyebabkan mereka tidak dapat memanfaatkan teknologi dengan semaksima mungkin untuk tujuan pembelajaran tetapi hanya menggunakan teknologi untuk tujuan yang melalaikan dan merosakkan sahsiah mereka.

Capaian Internet

Capaian internet merupakan salah satu perkara yang perlu diberi perhatian apabila melaksanakan kaedah e-pembelajaran. Hal ini kerana, capaian internet yang mencukupi merupakan salah satu sarana & prasarana yang menyokong e-pembelajaran di rumah (Satrianingrum & Prasetyo, 2020). Masalah capaian internet yang tidak kuat di sesetengah kawasan terutamanya kawasan kampung dan pedalaman menyebabkan ramai pelajar ketinggalan dan tidak dapat mengikuti pembelajaran seperti yang ditetapkan. Apabila murid berhadapan dengan situasi ini, ia akan mengakibatkan proses pembelajaran bagi seseorang murid terbantut dan seterusnya murid sukar memahami isi pelajaran dengan baik. Masalah ini sedikit sebanyak memberi kesan dan menjadi cabaran yang besar kepada guru yang berperanan membentuk perilaku dan membina sahsiah murid, bermula dari peringkat sekolah rendah. Menurut Nursafra *et.al.* (2021), murid yang tidak mempunyai telefon pintar atau kelengkapan yang cukup dan capaian internet juga menjadi cabaran kepada pengajaran melalui e-pembelajaran dan ia memberi kesan kepada aspek komitmen murid dan juga kehadiran murid. Proses pembinaan akhlak dan sahsiah murid akan terganggu dan matlamat perkembangan individu murid secara holistik sukar untuk dicapai dengan baik sebagaimana yang diharapkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Masalah capaian internet boleh menjadi bebanan kepada pelajar dalam menghadapi kelas pembelajaran secara dalam talian (Mohamad, 2021). Masalah capaian internet menyebabkan pelajar tidak dapat mengikuti pembelajaran dengan baik apabila terpaksa keluar jauh mencari kawasan yang mempunyai capaian internet yang laju dan terpaksa menghabiskan masa di situ (Musfirah Mohamad *et al.*, 2021). Hal ini menyebabkan murid tidak dapat menyiapkan tugas tepat pada waktunya dan sukar mengikuti pembelajaran pada masa yang ditetapkan oleh guru.

Apabila situasi ini berlaku, ia secara tidak langsung memberi impak yang negatif kepada sahsiah mereka dan berkemungkinan menyebabkan mereka menjadi kurang berdisiplin apabila situasi ini berterusan. Masalah ketidakcapaian internet boleh dijadikan sebagai alasan untuk tidak mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian. Mereka akan berasa tertekan kerana keperluan asas mereka untuk belajar pada ketika itu iaitu internet tidak dapat diakses dengan baik (Noor Khairunnisa Hasmuddin & Siti Mistima Maat, 2020). Justeru itu, guru-guru perlulah sentiasa peka juga dengan faktor sosio-budaya atau latar belakang anak didik apabila memilih menggunakan kaedah e-pembelajaran agar ia tidak menjadi bebanan dan kekangan kepada murid untuk meneruskan sesi pembelajaran di rumah terutamanya. Hal ini kerana tekanan dan bebanan yang dihadapi oleh murid juga boleh menjadi punca peningkatan masalah sosial dan sahsiah murid (Rabiee *et al.*, 2013).

Penggunaan Gajet atau Peranti Teknologi Bagi Melayari Internet

Penggunaan peranti teknologi seperti komputer riba, dan gajet-gajet seperti telefon bimbit menjadi kegilaan masyarakat pada masa kini terutama pelajar kerana hampir kesemua institusi pengajian menggunakan alat bantu seperti ini untuk berinteraksi dan berhubung semasa penutupan sekolah berlaku bagi meneruskan aktiviti e-pembelajaran. Seiring dengan

perkembangan teknologi, penggunaan telefon pintar dan komputer riba untuk melayari internet merupakan suatu kemestian (Salmah & Malisah, 2016). Tambahan pula, e-pembelajaran juga dikenali sebagai m-pembelajaran atau *mobile learning*.

M-pembelajaran (*Mobile Learning*) boleh ditakrifkan sebagai pembelajaran menggunakan peranti atau teknologi yang bersifat mudah alih seperti penggunaan komputer riba dan telefon bimbit sebagai medium pembelajaran. Selain itu, m-pembelajaran juga dilihat sebagai revolusi daripada pembelajaran elektronik (*e-Learning*) dan pembelajaran teradun (*Blended Learning*). Komponen utama peranti m-pembelajaran ialah kemajuan peranti dan jaringan internet. Peranti yang memiliki kemajuan teknologi terkini akan memudahkan sesi pembelajaran berlangsung, seiring dengan keperluan semasa (Tengku Sarina Aini & Nur Atiqah, 2021). Manakala jaringan internet pula merujuk kepada peranti yang boleh disambungkan kepada internet tanpa wayar. Selain itu, peranti m-pembelajaran juga perlu mempunyai ciri fizikal saiz yang padat serta tidak memerlukan masa yang lama untuk konfigurasi sama ada ditutup ataupun dibuka (Caudill, 2007).

Walau bagaimanapun, terdapat pelajar yang berpandangan bahawa m-pembelajaran yang menggunakan telefon bimbit adalah bukan pembelajaran yang sebenar berbanding pembelajaran secara tradisional yang dikatakan sebagai pembelajaran yang sebenar (Panagiota Panteli & Areti Panaoura, 2020). Pembelajaran secara tradisional dikatakan lebih mudah dari segi pemantauan guru apabila guru dapat memantau secara terus perkembangan pembelajaran anak murid di sekolah dan perubahan tingkah laku mereka sepanjang proses pembelajaran berlaku di dalam kelas. Sebaliknya, pembelajaran yang dilakukan menggunakan peranti elektronik secara sendiri menyebabkan timbul pula isu komunikasi dan interaksi antara guru dan murid. Sepatutnya penggunaan teknologi ini membantu memudahkan urusan kehidupan dan juga pendidikan sama ada kepada pelajar, ibu bapa atau guru jika dimanfaatkan sebaiknya.

Oleh itu, menurut Aji (2019), e-pembelajaran sepatutnya tidak bermaksud untuk menggantikan proses pembelajaran yang selama ini berlaku di dalam kelas sebaiknya ia adalah sebagai salah satu alternatif pembelajaran bersesuaian dengan era perkembangan dalam teknologi pendidikan. Hal ini kerana, timbul kebimbangan dalam kalangan para pendidik dan juga penyelidik berkenaan media elektronik, di mana ia mungkin mengakibatkan kurangnya berlaku interaksi sosial dengan individu sekeliling yang akhirnya membawa kepada perubahan sikap yang tidak baik (Salmah & Malisah, 2016). Sedangkan menurut Hermawan (2014), interaksi guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan perkara utama bagi memastikan objektif pembelajaran dapat dicapai. Perkara ini disokong oleh Hartanto (2016), yang menjelaskan bahawa keberkesanan e-pembelajaran memerlukan interaksi yang maksimum di antara guru dan murid.

Namun begitu, penggunaan e-pembelajaran juga tidak dapat dipisahkan daripada pelbagai kekurangan. Antaranya seperti semakin kurang berlaku interaksi antara guru dan murid, atau murid sesama murid. Kelemahan ini boleh mengganggu proses pembentukan sahsiah dan tingkah laku sosial semasa aktiviti pembelajaran berlangsung. Tambahan pula, masalah ini akan semakin rumit apabila setiap murid memiliki gajet masing-masing sehingga tidak mengendahkan apa yang berlaku dan juga kurang mendengar nasihat daripada guru. Justeru itu, cadangan daripada Fahmi (2020) bagi meningkatkan kualiti komunikasi dan interaksi dalam e-pembelajaran antaranya ialah, ia perlu dilaksanakan secara *hybrid* iaitu menggabungkan komunikasi *synchronous* dan *asynchronous* dalam masa yang sama. Komunikasi *synchronous* bermaksud guru mampu untuk berkomunikasi secara dua hala

dengan murid secara serentak atau pada masa yang sama bagi membincangkan topik pembelajaran. Begitu juga dengan komunikasi *asynchronous*, iaitu tidak segerak atau serentak pada masa yang sama, tetapi guru dan murid masih boleh berhubung dan berkomunikasi pada waktu pilihan masing-masing mengikut kesesuaian masa dan rancangan aktiviti pembelajaran (Ucu et al., 2018). Dengan cara ini, komunikasi dan interaksi guru dengan murid dapat dipertingkatkan melalui komunikasi *synchronous* di mana guru boleh memantau secara langsung semasa sesi pembelajaran serentak dijalankan. Manakala komunikasi *asynchronous* dapat membantu guru memantau atau menyelia murid di luar sesi pembelajaran sekiranya murid ingin berinteraksi bertanya tentang pelajaran.

Cadangan Untuk Mengatasi Penyalahgunaan Internet Semasa Pelaksanaan E-Pembelajaran

Kajian menunjukkan bahawa keberkesanan pelaksanaan e-pembelajaran juga dipengaruhi oleh sokongan moral daripada keluarga di samping keberkesanan internet dan komunikasi (Chu, 2010). Sokongan emosi daripada keluarga terutamanya memberi pengaruh secara langsung dan tidak langsung terhadap keberkesanan e-pembelajaran. Namun, menurut Siti Nurbaizura et.al., (2020), cabaran yang timbul semasa pelaksanaan e-pembelajaran ini adalah kurangnya sokongan pembelajaran daripada ibu bapa dan penjaga. Ini adalah masalah utama khususnya murid di peringkat rendah sekiranya dibiarkan mengakses e-pembelajaran secara sendiri tanpa pantauan dan kawalan. Seharusnya, ibu bapa memberikan kawalan yang ketat ke atas anak-anak semasa menggunakan peranti teknologi ini agar anak-anak lebih cenderung memanfaatkannya ke arah yang positif dan terhindar daripada pengaruh yang negatif. Jadual 1 di bawah menyenaraikan peranan yang boleh dimainkan oleh ibu bapa, guru, pelajar dan juga penyedia platform e-pembelajaran bagi memantau proses e-pembelajaran murid di rumah.

Jadual 1: Peranan Ibu Bapa, Guru, Pelajar dan Penyedia Platform Untuk Mengatasi Penyalahgunaan Internet Semasa Pelaksanaan E-Pembelajaran

Pihak yang berperanan	Cadangan
Ibu Bapa	<ul style="list-style-type: none"> Ibu bapa boleh menghadkan waktu mengakses e-pembelajaran sebagaimana jadual pembelajaran yang telah ditetapkan oleh guru. Komputer dan telefon bimbit untuk mengakses internet bagi tujuan e-pembelajaran tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam bilik anak-anak dan hanya dibenarkan di ruang terbuka. Ibu bapa perlu memantau sebaik sahaja anak-anak tamat sesi e-pembelajaran dan tidak membenarkan mereka mengakses internet selepas tamat. Ibu bapa hendaklah mendalami ilmu dan kemahiran yang berkaitan aplikasi terkini yang boleh diakses menggunakan internet supaya setiap aplikasi terbaharu yang tidak bersesuaian dengan anak-anak ditapis dan disekat daripada melayarinya.

Guru

- Sentiasa berhubung dan berkomunikasi dengan anak murid berkenaan tugas yang diberikan melalui e-pembelajaran.
 - Tidak melaksanakan e-pembelajaran dalam tempoh yang lama sehingga berjam-jam kerana akan menyebabkan murid hilang fokus dan bosan.
 - Berinteraksi dengan murid semaksima yang mungkin melalui medium e-pembelajaran seperti kerap bertanya tentang tugas yang diberikan.
 - Sentiasa menasihati murid mengenai kandungan internet yang boleh diakses melalui e-pembelajaran dan kandungan yang tidak sesuai diakses.
 - Guru perlu sentiasa peka dengan kemudahan teknologi yang ada sekarang yang terlalu terbuka dan memberikan kemudahan untuk murid saling berhubung antara satu sama lain dengan bebas antara murid lelaki dan perempuan.
 - Guru perlu mendidik anak murid seolah-olah mendidik anak mereka sendiri agar segala nasihat yang diberi mudah diterima sebagaimana ibu bapa menasihati anaknya sendiri.
 - Sentiasa mengambil berat dan peka dengan situasi murid serta menegur murid dengan baik supaya mereka tidak leka dengan aplikasi-aplikasi gajet terbaharu sehingga meninggalkan pelajaran.
 - Guru boleh menjadi kaunselor atau motivator kepada murid sekiranya murid mengalami masalah dengan e-pembelajaran agar tidak berlaku tekanan atau kemurungan yang boleh membawa kepada tingkah laku negatif.
 - Guru perlu sentiasa memantapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang berkaitan teknologi seperti kemahiran pedagogi dan kemahiran profesional seiring dengan perkembangan teknologi semasa serta menyesuaikan dengan latar belakang murid agar tiada murid yang keciciran dalam pelajaran sekaligus memberi kesan kepada aspek sahsiah mereka.
-

Pelajar

- Sentiasa meminta kebenaran ibu bapa atau penjaga sebelum mengakses internet untuk sesi e-pembelajaran.
- Sentiasa mengikut jadual pengajaran dan pembelajaran di rumah yang telah disediakan oleh guru.
- Menggunakan alat peranti atau gajet semasa hendak mengakses e-pembelajaran sahaja.
- Meletakkan limit masa penggunaan internet untuk mengakses bahan e-pembelajaran.

Penyedia Platform

- Penyedia platform hendaklah menasihati ibu bapa untuk sentiasa berinteraksi atau memantau anak-anak semasa menggunakan internet untuk sesi e-pembelajaran.
- Membantu meningkatkan kesedaran di kalangan ibu bapa agar menimba ilmu berkaitan kemahiran teknologi baharu ini agar dapat seiring dengan anak-anak dan membantu mereka mengikuti proses e-pembelajaran di rumah.
- Menyediakan platform e-pembelajaran yang mesra pengguna terutama pengguna di kalangan pelajar yang berada di peringkat rendah.
- Menyediakan ruang untuk ibu bapa membuat aduan sekiranya platform e-pembelajaran yang disediakan tidak bersesuaian dari segi kandungan untuk murid di peringkat rendah terutamanya.

Sumber: Adaptasi daripada Nur Eliza et al. (2021); Zetty Nurzuliana et.al. (2021); Salmah & Malisah (2016) dan ITU (2009)

Penutup

Sebagai kesimpulan, penggunaan internet semasa proses e-pembelajaran boleh membawa banyak manfaat sekiranya ia digunakan dengan cara yang betul. Ini kerana penerokaan maklumat secara e-pembelajaran melalui penggunaan komputer riba, tablet atau telefon bimbit yang mempunyai internet dapat memberi pendedahan kepada pelajar terhadap pelbagai kemahiran berasaskan perisian komputer dan internet. Keadaan ini juga sebenarnya secara tidak langsung membantu pelajar mempertingkatkan prestasi pembelajaran dan membantu pembinaan sahsiah mereka. Hal ini kerana penggunaan internet telah menjadi sebahagian daripada budaya kehidupan masyarakat pada hari ini termasuklah murid di sekolah rendah. Selain daripada menjadi platform kepada guru dan anak murid untuk berinteraksi semasa proses e-pembelajaran, penggunaan internet juga boleh memberi manfaat kepada mereka untuk memuat turun bahan pembelajaran semasa berada di rumah. Justeru, kemudahan internet perlu ditambah baik dan kaedah pengaplikasiannya perlu diberi perhatian agar pembelajaran berasaskan elektronik ini dapat dimanfaatkan secara optimum di semua peringkat institusi pengajian dan tidak memberikan tekanan kepada pihak yang mengaplikasikannya sehingga memberi kesan negatif kepada pembinaan sahsiah mereka. Pada masa akan datang, pengkaji

mencadangkan agar satu kajian berbentuk kuantitatif menggunakan sampel yang lebih besar untuk mengkaji penggunaan internet bagi tujuan e-pembelajaran di kalangan guru sekolah rendah dijalankan kerana kebanyakan sampel kajian sebelum ini terdiri daripada ahli akademik dan pelajar di institusi pengajian tinggi.

Penghargaan

Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya kerana telah menyokong penyelidikan ini. Kertas kerja ini merupakan hasil daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Khas Penyelidikan (GKP) UMG005L-2021.

Rujukan

- Aji, R. (2019). Pengenalan E-Learning. *E-Learning*. Universitas Mercu Buana. Jakarta. 1-9.
- Antasari, A. S. (2013). Pengaruh Penggunaan Internet. *Jurnal Administrasi Bisnis*. 10(1), 186-204.
- Arisanti, D., & Subhan, M. (2018). Pengaruh Penggunaan Media Internet Terhadap Minat Belajar Siswa Muslim di SMP Kota Pekanbaru. *Jurnal Pendidikan Agama Islam Al-Thariqah*.3(2), 61-73.
- Azizan, N. I., Ismail, N., Mohd Zin, S. M., & Zainuddin, N. F. (2021). Cabaran Membentuk Akhlak Remaja Melalui Persekitaran Sosial Dan Perkembangan Teknologi. *Jurnal Pengajian Islam*, 14(I), 118–129.
- Caudill, J. G. (2007). The growth of m-Learning and the growth of mobile computing: Parallel developments. In *International Review of Research in Open and Distance Learning*. 8(2), 1-14.
- Chu, R. J. chun. (2010). How Family Support And Internet Self-Efficacy Influence The Effects of E-Learning Among Higher Aged Adults - Analyses of Gender and Age Differences. *Computers and Education*. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2010.01.011>
- Dedyerianto, D. (2020). Pengaruh Internet dan Media Sosial terhadap Kemandirian Belajar dan Hasil Belajar Siswa. *Al-TA'DIB*. 12(2), 208-225.
- Nur Eliza Mohd Noor, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md Yusoff. (2021). Peranan Guru Dalam Pelaksanaan E-Pembelajaran Pendidikan Islam Menurut Perspektif Al-Ghazalli. *Journal of Islamic Educational Research*, 6, 52–63.
- Fahmi, M. H. (2020). Komunikasi Synchronous Dan Asynchronous Dalam E-Learning Pada Masa Pandemic Covid-19. *Jurnal Nomosleca*. 6(2), 146-158.
- Hartanto, W. (2016). Penggunaan E-Learning sebagai Media Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Ekonomi*. 10(1), 1-15.
- Haixia He. E-learning Theory. E-Learning Theory – Theoretical Models for Teaching and Research (wsu.edu) Diakses pada 8 Februari 2022.
- Hermawan, A. (2014). Konsep Belajar dan pembelajaran Menurut Al-ghazali. *Jurnal Qathruna*. 1(1), 84-98.
- International Telecommunication Union (ITU). (2009). Guidelines on Child Online Protection. Child Online Protection | ITU COP Guidelines (itu-cop-guidelines.com).
- Khairuni, N. (2016). Dampak Positif Dan Negatif Sosial Media Terhadap Pendidikan Akhlak Anak (Studi Kasus di SMP Negeri 2 Kelas VIII Banda Aceh). *Jurnal Edukasi: Jurnal Bimbingan Konseling*. 2(1), 91-106.
- Lubis, N. A., & Wahyuni, I. (2021). Peran Teknologi dalam Pembelajaran Pendidikan Agama Islam di Tengah Pandemi Covid-19. *An-Nuha*. 1(1), 1-24.
- Michael, S., & Ambotang, A. S. (2020). Pengaruh Teknologi Digital Terhadap Penglibatan Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. 5(6), 25-32.

- Misman, J., Sharipp, M. T. M., Suyurno, S. S., Nik Abdullah, N. N., & Shamsudin, C. M. (2021). Education During Covid19: Islamic Perspectives on Ethics for New Media Users For Teachers And Students. *Journal of Language and Linguistic Studies*. 17(1), 529-541.
- Mohamad, N. M. (2021). Cabaran Pedagogi Norma Baharu Di Kolej Universiti Islam Perlis (Kuips) Ketika Pandemik Wabak Koronavirus Covid-19. *Jurnal Pengajian Islam*. 14(Special edition), 243-254.
- Musfirah Mohamad, Yahaya, M., Adnan, W. H., Pascasiswazah, P. P., & Embi, M. A. (2021). Cabaran Pelajar Melalui Kaedah Pembelajaran Atas Talian : *Journal of Media and Information Warfare*. 14(1), 11-20.
- Naquiah Nahar, Sahrnizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam, N. R. dan A. H. A. (2018). Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja. *UMRAN - International Journal Of Islamic and Civilizational Studies*, 5(1), 87-99.
- Noor Khairunnisa Hasmuddin, & Siti Mistima Maat. (2020). Impak Dan Cabaran Pelaksanaan E-Pembelajaran Matematik : Sorotan Literatur Bersistematik (Impacts and Challenges of the Implementation of Mathematical E-Learning : Systematic Literature Review). *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(3), 188-201.
- Norina, W., Hamat, W., Hussin, Z., Fkrudin, A., Yusoff, M., & Sapar, A. A. (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia Jantina Tempat Tinggal Semasa Belajar Perbezaan Pengaruh Terus Perubahan Sikap , Peribadi dan Tingkah Laku. *The Online Journal of Islamic Education*. 1(1), 17-27.
- Nursafra et.al. (2021). Pengajaran Maya Guru Inovatif Pendidikan Islam Dalam Era Pandemik Covid-19. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*. 7, 31-43.
- Othman Lebar. (2017). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim.
- Panagiota Panteli, & Areti Panaoura. (2020). The Effectiveness of Using Mobile Learning Methods in Geometry for Students with Different Initial Mathematical Performance. *Social Education Research*. 1(1), 1-10.
- Rabiee, A., Nazarian, Z., & Gharibshaeyan, R. (2013). An explanation for internet use obstacles concerning E-learning in Iran. *International Review of Research in Open and Distance Learning*. 14(3), 1-17.
- Sagita, M., & Khairunnisa. (2019). Pemanfaatan E-Learning Bagi Para Pendidik Di Era Digital 4.0 Utilization Of E-Learning For Educators In Digital Era 4.0. *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan Program Pascasarjana Universitas Pgrri Palembang*. Dibentangkan pada 12 Januari 2019. 338-346.
- Salmah, O., & Malisah, L. (2016). Pengaruh Peranti Teknologi Kepada Perkembangan Sosial Dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*. 1-11.
- Samir Abou El-Seoud, M., Taj-Eddin, I. A. T. F., Seddiek, N., El-Khouly, M. M., & Nosseir, A. (2014). E-learning and students' motivation: A research study on the effect of e-learning on higher education. *International Journal of Emerging Technologies in Learning*. 20-26.
- Satrianingrum, A. P., & Prasetyo, I. (2020). Persepsi Guru Dampak Pandemi Covid-19 terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Daring di PAUD. *Jurnal Obsesi : Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini*. 5(1), 633-640.
- Siemens, G. (2005). Connectivism: A learning theory for the digital age. *International Journal of Instructional Technology and Distance Learning*.
- Siti Nurbaizura CheAzizan, Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa

- tempoh Pandemik Covid-19. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. 11(Edisi Khas 2020), 46-57.
- Siyamta, Setyosari, P., Kamdi, W., & Ulfa, S. (2000). Teori Connectivism Dalam Pembelajaran Sebagai Pendukung Sistem Adaptive E-Learning and Big Data Personalized Learning. *Inovasi Pendidikan Di Era Big Data Dan Aspek Psikologinya*. 417-424.
- Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Nur Atikah Miasan (2021). Pengaplikasian M-Pembelajaran dalam Situasi Pandemi Covid-19: Konsep dan Komponen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 6(12) 268-276.
- The, M. M., & Usagawa, T. (2018). Change in E-learning Readiness and Challenge for Myanmar Higher Education. *Creative Education*, 09(09), 1277–1286.
- Ucu, N. L., Paturusi, S. D. E., & Sompie, S. R. U. A. (2018). Analisa Pemanfaatan E-Learning Untuk Proses Pembelajaran. *Jurnal Teknik Informatika*. 13(1), 1-8.
- Wimerta, P., & Samosir, O. (2021). Korelasi Pembelajaran Berbasis Internet (E- Learning) Terhadap Motivasi Mahasiswa Fakultas Kedokteran Universitas Sumatera Utara. *Universitas Sumatera Utara*. 1-69.
- Yusup Hashim. (2012). Penggunaan E-pembelajaran dalam pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. *Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru (KKPG) 2012, October 2012*.
- Zahedi, M. H., & Dehghan, Z. (2019). Effective E-learning utilizing Internet of Things. *7th International and 13th Iranian Conference on E-Learning and E-Teaching, ICeLeT 2019*. <https://doi.org/10.1109/ICELET46946.2019.9091671>
- Zetty Nurzuliana et.al. (2021). Online Learning Challenges During Pandemic Covid-19: Teachers' Perspective. *Journal of Islamic Educational Research (JIER)*7, 66-76.